

TARIKH	JUMAAT, 7 JUN 2024
AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK ARTIKEL	25 SUNGAI DI SELURUH NEGARA TERCEMAR KATEGORI 3, 4
M/S	8
BIDANG	ENVIRONMENT
KATA KUNCI	RIVER

8
Nasional
Jumaat, 7 Jun 2024 **BH**

25 sungai di seluruh negara tercemar kategori 3, 4

Industri, loji kumbahan, penternakan punca kualiti air terjejas

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Sebanyak 25 daripada 672 sungai di seluruh negara yang dipantau oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) ketika ini, dikenal pasti berada dalam kategori tercemar, kata Datuk Seri Fadillah Yusof.

Timbalan Perdana Menteri berkata, sungai yang tercemar itu membabitkan enam negeri iaitu Kedah, Pulau Pinang, Selangor, Kuala Lumpur, Johor dan Sarawak dengan pengelasan kualiti air sungai (IKA) berkenaan berada pada Kelas Tiga dan Empat.

Katanya, antara punca pencemaran yang dikenal pasti adalah disebabkan industri, loji kumbahan, perbandaran, pertanian, perumahan dan penternakan.

"Secara keseluruhan, yang dipantau oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) ada sebanyak 672 sungai (di seluruh negara) dan empat peratus atau 25 sungai daripadanya, termasuk dalam kategori tercemar.

"Antara sungai yang tercemar ialah Sungai Bakar Arang di Kedah; Sungai Jawi (Pulau Pinang); Sungai Buloh (Selangor); Sungai Kerayong (Kuala Lumpur) dan



Fadillah mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Menangani Kerosotan Kualiti Air Sungai Kebangsaan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya, semalam. Turut hadir, Timbalan Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air, Akmal Nasrullah Mohd Nasir.

(Foto BERNAMA)

Sungai Tercemar

- Kedah**
-Sungai Merbok
- Pulau Pinang**
-Sungai Chempedak
-Sungai Jawi
-Sungai Rambai
-Sungai Kluang
-Sungai Pinang
-Sungai Titi Kerawang
- Selangor/Kuala Lumpur**
-Sungai Buloh
-Sungai Air Busuk
-Sungai Kerayong
-Sungai Toba
- Johor**
-Sungai Danga
-Sungai Buluh
-Sungai Tukang Batu
-Sungai Kempas
-Sungai Segget
-Sungai Pandan
-Sungai Sebulung
-Sungai Sengkuang
-Sungai Tampoi
- Sarawak**
-Sungai Adong
-Sungai Miri
-Sungai Daro
-Sungai Jemoreng

Sungai Adong di Sarawak," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat pertama Jawatankuasa Khas Menangani Kerosotan Kualiti Air Sungai Kebangsaan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini, semalam.

406 sungai kategori bersih

Fadillah berkata, sebanyak 72 peratus iaitu 486 daripada jumlah sungai yang dipantau JAS berada dalam Kategori Bersih, manakala 24 peratus atau 161 sungai pula berada dalam Kategori Sederhana.

Dalam pada itu, Timbalan Perdana Menteri berkata, mesyuarat terbabit bersetuju supaya Jawa-

tankuasa Khas Menangani Kerosotan Kualiti Air Sungai ditubuhkan di setiap negeri.

Katanya, semua wakil negeri yang menghadiri mesyuarat terbabit akan membawa perkara itu pulang ke negeri masing-masing bagi mendapatkan panduan serta persetujuan.

"Kita juga bersetuju tempoh sebulan daripada hari ini, untuk mengadakan bengkel, bagi memperincikan segala perkara sebab cabaran berhubung pengurusan sungai ini, ia membabitkan bidang kuasa negeri, persekutuan dan ada juga PBT (pihak berkuasa tempatan).

"Jadi, dalam bengkel itu akan memperincikan segala perkara berhubung kait perundangan, peraturan, dasar dan juga pelaksanaan," katanya.

Sementara itu, Fadillah berkata, jawatankuasa terbabit menekankan pemakaian pelan tindakan pengurusan lembangan sungai bersepadu (IRBM) sebagai peralatan pengurusan dalam membantu meningkatkan kualiti air sungai.

"Mesyuarat hari ini (semalam) juga dimaklumkan mengenai Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) membangunkan Sistem Pintar Kecerdasan Buatan Bagi Penarafan dan Pengelasan Kedudukan Sungai di Malaysia (AIE3S).

"Sistem ini boleh digunakan di lembangan sungai oleh semua pihak berkepentingan dalam pemantauan meningkatkan kualiti air sungai," katanya.

Pengelasan Kualiti Air Sungai (IKA)

Kelas 1 (IKA lebih 92.7)
Bekalan Air: Tidak memerlukan pengolahan

Kelas 2 (IKA 76.5-92.7)
Bekalan Air: Memerlukan pengolahan konvensional

Kelas 3 (IKA 51.9-76.5)
Bekalan Air: Memerlukan pengolahan yang intensif

Kelas 4 (IKA 31.0-51.9)
Hanya untuk tujuan pengairan

Kelas 5 (IKA kurang 31.0)
Keadaan sungai yang tercemar teruk

DISEDIAKAN OLEH	PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
-----------------	--